



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 8 Tahun 2015

SYARAT MINIMA KELULUSAN BAHASA INGGERIS *INTERNATIONAL ENGLISH LANGUAGE TESTING SYSTEM (IELTS)* UNTUK MEMOHON BIASISWA ATAU CUTI BELAJAR BAGI PENGAJIAN DALAM NEGARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkenaan perubahan syarat minima kelulusan Bahasa Inggeris yang perlu dipatuhi oleh calon yang ingin memohon Biasiswa Staf Akademik, Biasiswa Skim Tenaga Pengajar Muda, Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa, Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa Dengan Tajaan Agensi Luar dan Cuti Belajar Tanpa Gaji Dengan Tajaan Agensi Luar.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) yang ke 283 pada 14 April 2015 telah membuat keputusan menyemak semula syarat minima skor peperiksaan *International English Language Testing System (IELTS)* bagi penempatan di dalam negara.

3. Jawatankuasa membuat keputusan menyamakan skor minima IELTS untuk calon dalam negara dengan calon luar negara bagi memastikan semua calon mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris yang tinggi.

4. Pekeliling ini menjelaskan syarat baru skor minima peperiksaan IELTS bagi calon dalam negara perlu penuhi untuk mendapatkan Biasiswa atau kemudahan cuti belajar yang diuruskan oleh UiTM.

TUJUAN PELAKSANAAN

5. Pekeliling ini diguna oleh PTJ dan Bahagian Biasiswa, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) Pejabat Pendaftar sebagai dokumen rujukan dalam menguruskan permohonan Biasiswa Staf Akademik, Biasiswa Skim Tenaga Pengajar Muda, Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa, Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa dengan tajaan agensi luar dan Cuti Belajar Tanpa Gaji dengan tajaan agensi luar.

SYARAT-SYARAT BAHASA INGGERIS

6. Berikut ialah kelulusan Bahasa Inggeris dengan skor minima yang ditetapkan yang perlu di perolehi oleh calon :

Peperiksaan	Skor Minima Untuk Pengajian Dalam Negara
<i>IELTS</i>	<i>Band 6.5, atau</i>
<i>TOEFL</i>	<i>500 (Paper-based), 140 (Computer-based), 59-60 (Internet-based)</i>

Nota : Tiada perubahan dalam skor minima untuk pengajian luar negara

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling ini dikeluarkan pada 30 April 2015.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa untuk calon yang hendak melanjutkan pengajian bermula pada tahun 2016.

Yang benar



PROF. DR AZNI ZAIN AHMED

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Dekan-Dekan
Semua Rektor-Rektor

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 30 April 2015